



**BARCELONA** mahu memastikan pelancongan tidak memakan komuniti setempat.

Jika berkunjung di musim sejuk, suasana cuaca Mediterranean pada hujung musim iaitu sekitar Januari hingga Mac dianggap antara masa terbaik untuk melawat kerana dingin selesa, sesuai untuk aktiviti berjalan dan meneroka.

Destinasi paling ikonik semestinya Sagrada Familia, simbol kebanggaan kota dan hasil idea arkitek Catalonia terkenal, Antoni Gaudí.

Mengagumkan, bangunan ini masih dalam pembinaan dan kini memasuki fasa paling penting apabila dijangka menara tertinggi siap pada tahun ini.

Di sini, pelancong bukan sekadar bergambar, tetapi seperti menyaksikan sejarah sedang 'disiapkan' di depan mata.

Jika mahu melihat gaya Gaudí yang lebih 'urban' dan artistik, Casa Batlló pula menjadi pilihan yang tepat, bangunan dengan lengkungan unik yang seolah-olah hidup.

Ia antara lokasi yang memperlihatkan Barcelona bukan kota biasa, ia kota yang menjadikan seni sebagai identiti.

Namun, nadi sebenar Barcelona bukan hanya pada bangunan ikonik.

Ia boleh dirasai di La Rambla, laluan pejalan kaki sepanjang 1.2 kilometer yang menjadi daya tarikan utama kerana dikelilingi kedai dan jenama fesyen yang terkemuka.

Di kiri kanan laluan, terdapat kedai cenderahati, kafe dan ruang santai yang menggambarkan budaya Eropah berjalan perlahan, duduk menikmati kopi dan memerhati kehidupan kota.

Jika diteruskan hingga ke hujung, pengunjung akan menemui Columbus Column, monumen sejarah yang menjadi antara tarikan popular pelawat.

Satu lagi lokasi yang memberikan perspektif berbeza ialah Taman Tema Tibidabo, taman tema lama yang wujud sejak 1899 dan



**TAMAN** Tema Tibidabo tawar pengalaman unik untuk pengunjung.

masih beroperasi.

Dari kawasan bukit Collserola ini, pengunjung dapat melihat panorama kota Barcelona, daripada susun atur bandar hinggalah garis pesisir pantai.

Ia bukan sekadar tempat bermain, tetapi lokasi terbaik untuk memahami keunikan Barcelona sebagai kota pantai yang berkembang secara terancang.

Bagaimanapun, satu perkara perlu diingat, Barcelona kini berada dalam fasa 'memperbetulkan semula' keseimbangan.

Ketika Sepanyol menerima puluhan juta pelancong setiap tahun, kota seperti Barcelona mahu memastikan pelancongan tidak memakan komuniti setempat.

Justeru, pelancong disaran menjadi lebih beretika hormat penduduk, elak bising, jaga kebersihan dan pilih pengalaman yang tidak merosakkan ruang hidup orang tempatan.

Kesimpulannya, Barcelona masih kota yang wajib dikunjungi bukan sekadar kerana cantik, tetapi kerana ia hidup dan berjiwa.

Ia kota yang memberi pengalaman lengkap, bermula dengan seni bina, budaya berjalan kaki, pesisir pantai dan makanan laut.

Cuma bezanya kini, Barcelona bukan sekadar destinasi pelancongan, ia sebuah kota yang sedang belajar mempertahankan dirinya daripada menjadi terlalu 'pelancongan'.



**RUANG** bandar di Barcelona mudah untuk diterokai dan menjadi bandar mesra pejalan kaki.



**PEMBINAAN** Sagrada Familia dijangka siap sepenuhnya tahun ini.



**PANORAMA** indah tonjolkan keunikan Barcelona.



**PUNCAK** bukit Tibidabo memberi pemandangan Barcelona di pesisir pantai.

Anda ada cerita perjalanan atau percutian yang hendak dikongsikan dengan pembaca Metro Ahad? Apa tunggu lagi, kiriman cerita menarik anda kepada kami di [rencana@hmetro.com.my](mailto:rencana@hmetro.com.my) atau [hartini@hmetro.com.my](mailto:hartini@hmetro.com.my)